



16 Januari 2019 (Rabu)

Matrix Concepts, Bonanza Educare tubuh JV urus sekolah

KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik penuh Matrix Concepts Holdings Bhd, Matrix Global Education Sdn Bhd (MGE), menandatangani perjanjian usaha sama dan pemegangan saham (JVSA) dengan Bonanza Educare Sdn Bhd (BESB) untuk mengendalikan dan mengurus Matrix Global Schools (MGS) secara bersama.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini, katanya anak syarikat milik penuh MGE, Matrix Educare Sdn Bhd (MEC) akan menjadi syarikat JV untuk tujuan berkenaan.

MGE dan BESB bersetuju untuk bekerjasama untuk merasionalisasi dan menyusun semula MGS untuk menggalakkan kecekapan dalam operasi segmen perniagaan pendidikan, katanya.

“BESB mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam menubuhkan, mengendalikan dan mengurus pra-sekolah antarabangsa, sekolah swasta dan sekolah antarabangsa.

“Sementara itu, MGE kini mengendalikan MGS, yang terdiri daripada pra-sekolah antarabangsa, sekolah antarabangsa dan sekolah swasta di kampus yang dibina di Sendayan Merchant Square, Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan,” menurut Matrix Concepts.

Di bawah JVSA, MGE dan BESB, masing-masing akan memiliki 51 peratus dan 49 peratus dalam MEC.